



# PILIHAN RAYA KECIL KUALA TERENGGANU 2009

4.9595  
PIL

Muhammad Redzuan Othman  
Amir Saifude Ghazali  
Zulkanain Abdul Rahman



PENERBIT  
**UNIVERSITI  
MALAYA**

KUALA LUMPUR  
PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# PILIHAN RAYA KECIL KUALA TERENGGANU 2009



# SIRI POLITIK DAN PILIHAN RAYA PENERBIT UNIVERSITI MALAYA

1. **Geografi Pilihan Raya Malaysia** 978-983-100-490-6  
*Amer Saifude Ghazali*
2. **Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu 2009** 978 983-100-513-2  
Editor  
*Mohammad Redzuan Othman*  
*Amer Saifude Ghazali*  
*Zulkanain Abdul Rahman*
3. **Pilihan Raya Umum Ke-12** 978-983-100-517-0  
Editor  
*Joseph M. Fernando*  
*Zulkanain Abdul Rahman*  
*Suffian Mansor*



# PILIHAN RAYA KECIL KUALA TERENGGANU 2009

Editor

Mohammad Redzuan Othman

Amer Saifude Ghazali

Zulkanain Abdul Rahman



PENERBIT  
**UNIVERSITI  
MALAYA**  
KUALA LUMPUR

PUSTAKA PERDANA




1008572



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Diterbitkan oleh  
**Penerbit Universiti Malaya**  
 Universiti Malaya  
 50603 Kuala Lumpur  
<http://umpress.um.edu.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2000  
 CERT NO. AN 2708

Ahli Pengasas Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) –  
 No Keahlian 196906

Ahli Pengasas Jawatankuasa Penerbitan Pengajian Tinggi (PEPET) Malaysia  
 Ahli Pengasas Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)  
 Ahli Society for Scholarly Publishing (SSP) - Supporting Organization –  
 No Keahlian 010741

© Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude Ghazali dan  
 Zulkanain Abdul Rahman (editors) 2011

11 12 13 14 15 16      6 5 4 3 2 1

Semua hak terpelihara  
 Tiada mana-mana bahagian jua  
 daripada penerbitan ini  
 boleh diterbitkan semula atau disimpan  
 dalam bentuk yang boleh diperolehi semula  
 atau disiarkan dalam sebarang bentuk  
 dengan apa cara sekali pun  
 termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi,  
 rakaman atau lain lain tanpa  
 mendapat izin daripada Penerbit

Perpustakaan Negara Malaysia  
 Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu 2009 editor Mohammad Redzuan Othman,  
 Amer Saifude Ghazali, Zulkanain Abdul Rahman  
 ISBN 978-983-100-513-2

1. Elections – Kuala Terengganu. 2. Election districts – Kuala Terengganu.
3. Terengganu – Politics and government. I. Mohammad Redzuan Othman  
 II. Amer Saifude Ghazali III Zulkanain Abdul Rahman.  
 324 959512

Dicetak oleh  
 Penerbit Universiti Malaya  
 50603 Kuala Lumpur

324 9595

PIL

# Kandungan

Pendahuluan	vii
Singkatan	xv
<b>1 Latar Belakang Kawasan Pilihan Raya</b> <i>Amer Saifude Ghazali</i>	<b>1</b>
<b>2 Senario Politik Pra dan Pasca Pilihan Raya</b> <i>Mohd Azlan Zainal</i>	<b>7</b>
<b>3 Pengurusan Keselamatan dalam Pilihan Raya</b> <i>Md. Rozimi Mohd Nasir</i>	<b>25</b>
<b>4 Makna Sebalik Poster, Kain Rentang dan Papan Pemidang dalam Pilihan Raya</b> <i>Mohammad Redzuan Othman</i>	<b>43</b>
<b>5 Profil Calon dalam Pilihan Raya</b> <i>Shaharuddin Badaruddin</i>	<b>73</b>
<b>6 Ceramah dan Isu Pilihan Raya</b> <i>Zulkanain Abdul Rahman</i>	<b>87</b>
<b>7 Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam Pilihan Raya</b> <i>Akmal Hisham Abdul Rahim</i>	<b>99</b>
<b>8 Isu dan Laporan Akhbar Cina Mengenai Kempen Pilihan Raya</b> <i>Tew Peng Kooi</i>	<b>115</b>
<b>9 Muslimat PAS Dalam Pilihan Raya</b> <i>Zaireeni Azmi</i>	<b>131</b>

<b>10</b>	<b>Analisis Pola Pengundian Pilihan Raya</b> <i>Amer Saifude Ghazali</i>	<b>145</b>
<b>11</b>	<b>Rumusan</b> <i>Mohammad Redzuan Othman</i>	<b>165</b>
	<b>Senarai Penyumbang</b>	<b>179</b>
	<b>Bibliografi</b>	<b>181</b>
	<b>Indeks</b>	<b>187</b>

# Pendahuluan

Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu merupakan pilihan raya kedua yang diadakan selepas “kejutan politik” Pilihan Raya Umum Ke-12, pada 8 Mac 2008. Pilihan raya ini menarik perhatian ramai kerana kekalahan bagi Barisan Nasional (BN) bermaksud *mood* dan penolakan rakyat kepada BN sejak Pilihan Raya Umum Ke-12 masih berterusan. Tambahan pula, kawasan parlimen ini dimenangi oleh BN dalam pilihan raya umum yang lalu. Bagi Pakatan Rakyat (PR) pula kemenangan dalam pilihan raya kecil ini bermakna penerusan *momentum* kemenangan yang dicapai selepas Pilihan Raya Umum Ke-12.

Untuk membolehkan pilihan raya ini dikaji secara akademik, sekumpulan penyelidik dari Jabatan Sejarah dan Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya yang diketuai oleh Prof. Dr. Mohammad Redzuan Othman dengan anggota yang terdiri daripada Dr. Zulkanain Abdul Rahman, Prof. Madya Shaharuddin Badaruddin, En. Amer Saifude Ghazali, dan En Md Rozimi Mohd Nasir telah membuat kajian berkaitan pilihan raya ini. Kajian yang dibuat merangkumi kajian sebelum penamaan calon, ketika waktu berkempen dan selepas pembuangan undi dijalankan. Hasil kajian ini telah dibentangkan dalam dua seminar pilihan raya yang diadakan di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, sebelum dan selepas Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu ini diadakan. Seterusnya, satu Bengkel Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu telah diadakan pada Mac 2009 bagi memantapkan lagi hasil kajian yang dilakukan.

Hasil seminar dan bengkel tersebut membolehkan pihak penyelidik menerbitkan buku ini untuk merakamkan hasil penyelidikan yang dilakukan dan seterusnya menambahkan lagi penerbitan yang berkaitan dengan pilihan raya dalam negara. Buku ini mengandungi sebelas bab. Bab pertama berkaitan dengan latar kawasan pilihan raya yang ditulis oleh Amer Saifude Ghazali. Secara umumnya bab ini menggambarkan keadaan sosiopolitik kawasan Parlimen Kuala Terengganu. Walaupun kawasan parlimen ini terletak dalam kawasan Bandar Raya Kuala Terengganu, namun masih terdapat



kawasan kampung di dalamnya. Kegiatan sosioekonomi adalah pelbagai dengan adanya penduduk yang berkerja sendiri, menjadi petani, peniaga kecil dan nelayan. Kepelbagaian ini menyebabkan pengundi di kawasan ini agak kritikal dan tidak semestinya menyokong parti yang sama pada setiap kali pilihan raya diadakan.

Kawasan Parlimen Kuala Terengganu ini wujud sejak Pilihan Raya Umum 1959. Pada masa tersebut kawasan parlimen ini dibahagikan kepada Kuala Terengganu Utara dan Kuala Terengganu Selatan. Kedua-dua kawasan parlimen ini disatukan menjadi Kuala Terengganu pada Pilihan Raya Umum 1974. Sejarah pilihan raya memperlihatkan kawasan ini pernah dimenangi oleh Parti Negara, PAS, Semangat 46 dan Perikatan/BN yang menunjukkan kedynamikan pengundi di kawasan tersebut. Kawasan ini juga disifatkan sebagai marginal kerana pelbagai parti pernah mencapai kejayaan dan bukan kawasan yang selamat untuk parti-parti tertentu.

Seterusnya Mohd Azlan Zainal memberikan gambaran umum Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu yang disifatkan sebagai kesinambungan kepada Pilihan Raya Umum Ke-12. Pelbagai isu yang berlaku sejak berakhirnya Pilihan Raya Umum Ke-12 yang telah memberikan kesan kepada sosiopolitik negara, umumnya dan sosiopolitik Terengganu secara khususnya. Perkara ini seolah-olah merupakan penyumbang kepada perkara yang menjejaskan prestasi dan seterusnya menyebabkan BN kecundang dalam Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu ini. Penulis juga membincangkan kajian persepsi awal pengundi yang dijalankan oleh sebuah badan bukan kerajaan (Ilham Centre) sebelum Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu ini diadakan. Persepsi awal pengundi dilihat agak sama dengan keputusan yang sebenar apabila pengundi berpendapat PAS akan menang dalam pilihan raya ini. Majoriti pengundi juga agak bersetuju supaya calon tempatan bertanding dan ini dibuktikan apabila kedua-dua calon daripada BN dan PAS meletakkan anak tempatan sebagai calon masing-masing. Kajian awal persepsi pengundi berkemungkinan boleh dijadikan petunjuk awal untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan sesebuah parti yang akan menyertai pilihan raya pada masa hadapan.

Bab seterusnya ditulis oleh Md. Rozimi Mohd. Nasir yang menghuraikan isu pengurusan keselamatan dalam Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu. Penulis membincangkan peranan yang dimainkan oleh Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) dalam memastikan pilihan raya ini berjalan dengan aman dan lancar tanpa berlakunya sebarang kejadian yang tidak diinginkan. Bab ini juga turut membincangkan peranan yang dimainkan oleh PDRM sebelum hari